



DOI: [10.51377/azjaf.vol1no2.31](https://doi.org/10.51377/azjaf.vol1no2.31)

**CONCEPT OF HOSPITAL MESRA IBADAH: GOVERNANCE
BASED ON MAQASID AL-SYARIAH AND THE ROLE OF
ZAKAT**

**KONSEP HOSPITAL MESRA IBADAH: TADBIR URUS
BERASASKAN MAQASID AL-SYARIAH DAN PERANAN ZAKAT**

ISHAK MAS'UD (DR.)

Akademi Hospital Mesra Ibadah, No.85, Jalan Raja Abdullah, Kampung Baru,
50300, Kuala Lumpur. E-mail: ishakdr@hotmail.com

MOHD ZULKIFLI AWANG

Akademi Hospital Mesra Ibadah, No.85, Jalan Raja Abdullah, Kampung Baru,
50300, Kuala Lumpur. E-mail: zul_zykr@yahoo.com

NURUL AISYAH AMIR RAMLI

Akademi Hospital Mesra Ibadah, No.85, Jalan Raja Abdullah, Kampung Baru,
50300, Kuala Lumpur. E-mail: aisyah@al-islamhospital.com.my

SURINA BINTI MOHAMAD SHAFI

Akademi Hospital Mesra Ibadah, No.85, Jalan Raja Abdullah, Kampung Baru,
50300, Kuala Lumpur. E-mail: surina@al-islamhospital.com.my

A PEER-REVIEWED ARTICLE

(RECEIVED – 21ST SEPT. 2020; REVISED – 19TH JAN. 2021; ACCEPTED – 25TH JAN. 2021)

ABSTRACT

This paper will discuss the concept of Hospital Mesra Ibadah (HMI) which has been officially implemented in Malaysian health services since 2014. This HMI concept was introduced to give a new dimension to the health services sector in making the system in health services compliant with Islamic syariah. However, the al-Islam Specialist Hospital which introduced the concept of HMI since 2006 has some differences where Maqasid al-Syariah is used as the main guide in hospital governance. Maqasid al-Syariah is seen to be able to realize efficient and successful governance at various levels of departments and units available in hospitals. Thus, this study will

unravel some important elements in the concept of HMI based on Maqasid al-Syariah governance in hospitals. One of the important components in HMI based on Maqasid al-Syariah is the contribution of zakat. The role of zakat institutions is very important in further strengthening the concept of HMI in hospital management. This research methodology is conduct in qualitative method approach where the references documented using data and information from books, research papers, and other relevant documents. The results of the study found that the role of zakat is able to strengthen the concept of HMI while governance through the application of Maqasid al-Syariah proved successful in the implementation of the concept of HMI.

Keywords: Concept of Hospital Mesra Ibadah (HMI); Maqasid al-Syariah; al-Islam Specialist Hospital; HMI elements; hospital governance; role of zakat institution.

ABSTRAK

Kertas kerja ini akan membincangkan konsep Hospital Mesra Ibadah (HMI) yang telah dilaksanakan dalam perkhidmatan kesihatan Malaysia secara rasmi sejak 2014. Konsep HMI ini diperkenalkan untuk memberi satu dimensi baharu kepada sektor perkhidmatan kesihatan dalam menjadikan sistem yang terdapat di dalam perkhidmatan kesihatan patuh kepada syariah Islam. Namun begitu, Hospital Pakar al-Islam yang telah memperkenalkan konsep HMI sejak 2006 mempunyai sedikit kelainan yang mana Maqasid al-Syariah dijadikan sebagai panduan utama dalam tadbir urus hospital. Maqasid al-Syariah dilihat dapat merealisasikan urus tadbir yang cekap dan berjaya di pelbagai peringkat jabatan dan unit yang terdapat di hospital. Justeru, kajian ini akan merungkai beberapa elemen penting dalam konsep HMI yang berpandukan kepada Maqasid al-Syariah dalam urus tadbir di hospital. Salah satu komponen penting dalam HMI berdasarkan Maqasid al-Syariah ialah sumbangan zakat. Peranan institusi zakat amat penting dalam memperkasakan lagi konsep HMI dalam pengurusan hospital. Metodologi penyelidikan dilakukan menggunakan kaedah kualitatif di mana rujukan didokumentasi menggunakan data maklumat dari buku, kertas penyelidikan dan

dokumen lain yang berkaitan. Hasil kajian mendapati peranan zakat mampu memperkasakan konsep HMI manakala tadbir urus melalui penerapan Maqasid al-Syariah terbukti berjaya dalam pelaksanaan konsep HMI.

Kata Kunci: Konsep Hospital Mesra Ibadah (HMI); Maqasid al-Syariah; Hospital Pakar al-Islam; elemen HMI; urus tadbir hospital; peranan institusi zakat.

PENGENALAN

Kedatangan Islam ke Tanah Melayu merupakan salah satu rahmat terbesar kepada masyarakat Malaysia. Hal ini demikian kerana masyarakat Melayu ketika itu telah membuka satu dimensi baharu dalam kefahaman mereka dalam memahami aspek akidah, syariah dan akhlak yang terkandung di dalam Islam (Siddiq Fadzil, 2014). Ajaran Islam bukan sekadar diberi penekanan kepada aspek yang kecil tetapi menyeluruh dengan mengetengahkan idea Islam dalam menyelesaikan masalah masyarakat sebagai ganti kepada sistem yang terdahulu. Secara tidak langsung, Tanah Melayu pada ketika itu menerima Islam sebagai satu sistem cara hidup yang baharu melalui pelbagai proses Islamisasi di dalam amalan hidup, pentadbiran, undang-undang dan budaya. Bahkan kesannya telah melahirkan ramai tokoh yang penting dalam menjadikan Tanah Melayu sebagai Serambi Mekah. Proses Islamisasi ini terus aktif walaupun waktu penjajahan Barat dan selepas kemerdekaan semakin terserlah di mata dunia bahawa Malaysia telah membuktikan negara ini telah menjadikan Islam sebagai amalan yang bersifat menyeluruh dalam pelbagai sektor utamanya.

Sehingga kini, Malaysia yang dikenali antara negara yang mengamalkan ajaran Islam dalam perlembagaannya. Hal ini demikian telah menjadikan Malaysia semakin terserlah dan menjadi contoh dan ikutan negara luar terutamanya daripada negara Islam yang lain. Dalam pada itu, pelbagai Islamisasi pentadbiran yang telah dilaksanakan oleh Malaysia. Antaranya Bank Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Patuh Syariah dan konsep Hospital Mesra Ibadah yang telah dilancarkan pada tahun 2014 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) (Mohd Zulkifli Awang, 2020). Oleh yang demikian, proses yang telah

dilaksanakan pada awalnya di Lembah Klang oleh Hospital Pakar al-Islam merupakan satu pendekatan yang sangat baik dalam memberi satu sinar baharu kepada sektor kesihatan melalui konsep Hospital Mesra Ibadah.

Dalam membangunkan konsep Hospital Mesra Ibadah (HMI) ini, sebenarnya Hospital Pakar al-Islam telah meletakkan satu asas yang kukuh apabila mereka menjadikan elemen Maqasid al-Syariah sebagai tunjang pembentukannya. Penerapan Maqasid al-Syariah dalam urus tadbir hospital terlihat apabila konsep HMI ini dilaksanakan di Hospital mereka. Antara yang dijadikan asas utama ialah menjadikan 5 prinsip daruriyat iaitu penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta sebagai tunjang utama dalam pembinaan konsep HMI ini (Hospital Pakar Al-Islam, 2014). Maqasid al-Syariah inilah yang akan menyelaraskan panduan urus tadbir di dalam konsep HMI yang dilaksanakan di hospital. Secara tidak langsung, penerapan Maqasid al-Syariah mampu menjadikan konsep HMI terus diterima oleh masyarakat keseluruhannya, terutamanya KKM yang telah mengambil konsep ini pada tahun 2014 sebagai program rasmi di keseluruhan hospital kerajaan. Ini selaras dengan objektif kajian ini yang ingin melihat bagaimana pembinaan dan penyebaran konsep HMI ini diperluaskan dan melihat apakah peranan zakat dalam membantu melancarkan tadbir urus sesebuah hospital.

Kajian ini dijalankan untuk melihat pembinaan dan penyebaran seterusnya pembangunan konsep HMI di hospital-hospital di Malaysia. Kajian dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif di mana rujukan didokumentasi menggunakan data maklumat dari buku, kertas penyelidikan dan dokumen lain yang berkaitan. Hasil kajian membuktikan peranan zakat mampu memperkasakan konsep HMI di mana tadbir urus melalui penerapan Maqasid al-Syariah terbukti berjaya dalam pelaksanaan konsep HMI. Kajian ini diharap dapat memberikan impak dan seterusnya dapat menyebar luaskan lagi konsep HMI di hospital-hospital awam dan swasta.

KONSEP HOSPITAL MESRA IBADAH (HMI)

Konsep HMI ini merupakan salah satu konsep yang baharu diperkenalkan di dalam sektor kesihatan. Hal ini demikian berlaku kerana lahirnya rasa tanggungjawab dalam kalangan pengamal

perubatan pada ketika itu. Proses ini bermula pada tahun 1998 lagi di Pantai Timur Malaysia iaitu di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) dan di Hospital Pakar al-Islam yang dahulunya dikenali sebagai Kampong Baru Medical Centre (KBMC) yang ditubuhkan pada tahun 1996. Namun kesemua insituti ini tidak menjadikan program ini secara rasmi di dalam hospital masing-masing. Walau bagaimanapun, program HMI ini telah rancak di susun oleh mereka. Pelbagai definisi yang boleh diambil dalam memahami konsep HMI ini. Ada yang memfokuskan kepada ibadah semata-mata, ada yang melihat konsep HMI ini sebagai menyeluruh. Antara pandangannya ialah menurut Hammad M. D. et al. (2019) mengulas dengan menyatakan bahawa konsep Hospital Mesra Ibadah (HMI) merangkumi pelbagai matlamat yang mampu menaikkan sistem pengurusan hospital pada masa sekarang dan juga pada masa akan datang serta untuk mencapai keredhaan Allah SWT. Ianya bukan sekadar membimbing pesakit dalam mendirikan solat semata-mata. Matlamat utama adalah untuk memberi perkhidmatan terbaik di samping menjaga kesihatan semua pesakit termasuk pekerja, waris pesakit, kenalan dan sesiapa sahaja yang wujud dalam kehidupan kita untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Oleh itu, perkara ini memudahkan kita untuk menjalankan tugas sebagai khalifah dan pendakwah.

Mohd Zulkifli Awang (2020) menyatakan bahawa konsep HMI ini merupakan salah satu program Islamisasi pengurusan kesihatan yang telah diperkenalkan di dalam sektor perkhidmatan kesihatan. Melalui konsep HMI ini, Islamisasi dapat dilaksanakan dengan lancar di peringkat urus tadbir hospital. Bahkan, kerajaan telah mengangkat konsep ini secara rasminya pada tahun 2014 lagi. Secara tidak langsung, program ini dapat dilaksanakan ke seluruh sektor kesihatan di Malaysia terutamanya di 146 buah hospital kerajaan yang sedia ada. Pada awalnya konsep ini diperkenalkan secara rasmi pada tahun 2004 oleh Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) yang menekankan kepada elemen ibadah ketika sakit. Namun begitu, Hospital Pakar al-Islam menyedari bahawa konsep ini satu keperluan yang mampu dilaksanakan di lembah klang terutamanya di Kampong Bharu, sebuah kawasan di Bandaraya Kuala Lumpur. Oleh itu, Hospital Pakar al-Islam telah melancarkan konsep HMI ini pada tahun 2006

sebagai program Islamisasi pengurusan kesihatan. Skop yang dilihat oleh Hospital Pakar al-Islam menjadikan konsep HMI ini dilihat tidak hanya fokus kepada ibadah solat semata-mata, namun islamisasi pengurusan yang mampu menjadikan sektor kesihatan lebih berdaya saing.

Manakala Hammad M. D. et al. (2019) menyatakan bahawa program HMI ini bertujuan mengangkat konsep kesihatan secara holistik yang merangkumi aspek fizikal, psikologi, mental dan spiritual. Konsep Hospital Mesra Ibadah ini juga perlu diperhalusi dengan lebih baik untuk diterjemahkan kepada masyarakat. Sebelum ini, konsep kesihatan lebih tertumpu kepada 3 elemen utama sahaja iaitu rawatan fizikal, mental dan psikologi sedangkan aspek penjagaan kerohanian tidak dianggap sebagai elemen utama. Oleh itu, konsep HMI ini telah menterjemahkan konsep kesihatan yang holistik yang dianjurkan oleh agama Islam dan dilaksanakan di segenap hospital kerajaan dan swasta. Sehubungan dengan itu, pelbagai kaedah yang telah dilaksanakan untuk memperkenalkan konsep ini ke dalam sektor kesihatan yang telah digerakkan oleh Hospital Pakar al-Islam. Hampir keseluruhan hospital di Malaysia telah mendapat pendedahan tentang konsep HMI ini yang telah dikongsi oleh Hospital Pakar al-Islam. Hasil daripada perkongsian ini telah menjadikan program HMI ini dilihat sangat penting dalam mengangkat elemen kerohanian dalam kalangan pesakit yang sedang dirawat di hospital.

Hospital Mesra Ibadah (HMI) merupakan satu konsep yang digunakan dalam pengurusan hospital untuk mencapai nilai-nilai kecemerlangan dan jati diri pada warga kerja serta memfokuskan kepada kesejahteraan pelanggan melalui penerapan dan penghayatan ibadah semasa dan selepas mendapat rawatan (Hospital Pakar Al-Islam, 2014). Oleh itu, pelaksanaan konsep HMI oleh setiap warga kerja hospital akan memberi impak yang besar kepada diri, organisasi dan masyarakat yang mendapat rawatan semasa di hospital. secara tidak langsung, pengamalan ibadah akan dapat dilaksanakan oleh pesakit dengan bantuan warga kerja yang cemerlang. Di sinilah Hospital Pakar al-Islam bukan sekadar melihat konsep HMI ini sebagai bantuan kerohanian pesakit tetapi dengan penerapan konsep HMI di dalam pengurusan hospital sebenarnya memberi impak yang besar iaitu mencapai nilai kecemerlangan dalam kalangan warga kerja

di dalam perkhidmatan kesihatan yang mereka berikan kepada setiap pesakit dan keseluruhan orang yang berkunjung ke hospital. Hospital Pakar al-Islam komited melatih warga kerja di pelbagai hospital dalam merealisasikan misi ini.

Dalam pada itu, penyediaan kemudahan adalah salah satu cara untuk mendekatkan diri pesakit kepada Allah SWT. Menurut Ishak Masud (2016), HMI menyediakan kemudahan untuk melaksanakan ibadah kepada pesakit yang mendapatkan rawatan seperti buku Panduan Ibadah Pesakit, penyediaan fasiliti beribadah seperti tanda arah kiblat, botol semburan, debu tayamum, Al-Quran, telekung, sejadah, Al-Ma'thurat dan peringatan solat, informasi berkaitan ibadah pesakit seperti solat, puasa, sokongan, bantuan dan bimbingan kerohanian oleh pegawai agama yang bertugas kepada pesakit dan keluarga semasa di dalam wad. Selain itu, bantuan syahadah dilakukan oleh petugas yang merawat pesakit ketika nazak dan membantu memudahcara pengebumian. Bahkan dalam merealisasikan konsep ini, peranan pegawai agama sangatlah penting, penyediaan pegawai agama telah dijadikan satu asas dalam melaksanakan ziarah pesakit, memberi bimbingan kerohanian dan pelbagai aktiviti agama yang lain. (Hospital Pakar Al-Islam: 2014). Pelbagai kemudahan yang disediakan oleh hospital dalam memperkenalkan konsep HMI ini sebenarnya akan menjadikan masyarakat celik terhadap kepentingan terhadap ibadah ketika sakit dengan bantuan dan bimbingan oleh pegawai agama yang telah disediakan oleh pihak hospital.

ELEMEN HOSPITAL MESRA IBADAH

Dalam melaksanakan konsep HMI secara konsisten, maka elemen HMI penting untuk dijadikan satu panduan asas pembinaan HMI. Maka, antara elemen yang sangat penting dalam keberhasilan konsep HMI ini ialah;

Komiti

Dalam membangunkan sesebuah program, maka perlunya wujud sebuah struktur yang mampu melaksanakan konsep yang ingin direalisasikan. Dengan terbinanya sebuah struktur tersusun maka proses perjalanan sesebuah program akan berjalan dengan lancar. Oleh itu, untuk merealisasikan konsep HMI maka sesebuah hospital

perlu menubuhkan sebuah komiti HMI yang terdiri daripada pelbagai jawatan di peringkat hospital masing-masing. Hammad M. D. et al. (2019) yang menyatakan bahawa komiti HMI yang komited akan melahirkan satu organisasi yang mantap dalam melaksanakan konsep HMI di sesuatu hospital. Seperti mana yang telah dibahaskan bahawa pentadbiran dan pengamal perubatan yang juga merupakan asas terpenting dalam melakukan perubahan daripada konsep yang sedia ada kepada konsep HMI. Dengan organisasi yang tersusun melalui komiti yang lengkap diterajui oleh pengarah hospital dan dibantu oleh para pegawai lain akan menunjukkan keberhasilan konsep HMI ini. Maka bebanan yang dipikul oleh pegawai agama yang telah dihantar oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atau Jabatan agama negeri akan menjadi lebih ringan dan mudah sekaligus dapat memainkan peranan yang lebih besar.

Fasiliti

Fasiliti yang disediakan dalam menterjemahkan konsep HMI sebenarnya telah dilaksanakan di setiap hospital. Namun begitu, fasiliti yang disediakan berbeza-beza mengikut bajet sesebuah hospital. Oleh itu, fasiliti perlu diberi penekanan yang dalam menjayakan pelaksanaan HMI supaya berjaya dan mampu memberi kemudahan kepada setiap pesakit dan pelanggan yang datang ziarah ke hospital. Hammad M. D. et al. (2018) menyatakan bahawa pembentukan Hospital Mesra Ibadah (HMI) merupakan keperluan yang sangat diperlukan oleh masyarakat pada hari ini khususnya dalam aspek prasarana yang disediakan oleh pihak hospital. Kemudahan prasarana yang disediakan membantu melicinkan urusan ibadah pesakit serta pengurusan hospital dalam menyampaikan khidmat rawatan kepada pesakit dan keselesaan kakitangan. Penyediaan fasiliti ibadah yang telah disediakan akan memudahkan para pesakit untuk melaksanakan ibadah. Sepertimana Ishak Masud (2016) menyatakan penyediaan kemudahan untuk melaksanakan ibadah kepada pesakit yang mendapatkan rawatan seperti buku Panduan Ibadah Pesakit, tanda arah kiblat, botol semburan, debu tayamum, Al-Quran, telekung, sejadah, Al-Ma'thurat dan peringatan solat, informasi berkaitan ibadah pesakit seperti solat, puasa,

sokongan, bantuan dan bimbingan kerohanian oleh pegawai agama perlu diberikan keutamaan dalam proses pelaksanaan HMI.

Budaya

Budaya adalah satu bentuk amalan yang akan dilaksanakan secara berterusan dalam kalangan masyarakat. Budaya adalah salah satu jati diri sesebuah organisasi, maka pentingnya konsep HMI ini untuk menghidupkan budayanya sendiri. Antara budaya HMI yang patut dihidupkan dalam sesebuah hospital ialah “Pekerjaan Sebagai Ibadah”, “Senyum dan Salam”, “Jom mudahkan”, membantu pesakit menunaikan solat dan sentiasa peka terhadap kerohanian pesakit. Secara tidak langsung, dengan budaya HMI maka penerapan nilai Islam akan berlaku dalam kalangan warga kerja di hospital. Penerapan nilai murni sebenarnya akan memberi satu dimensi baharu dalam pekerjaan dan prosesnya adalah untuk mendapat keredhaan Allah SWT (Hospital Pakar Al-Islam: 2014). Oleh yang demikian, untuk menjayakan konsep HMI ini maka perlunya sesebuah hospital itu untuk menghidupkan budaya HMI secara berterusan. Manakala pelaksanaan HMI dalam kalangan warga kerja akan menghilangkan kejanggalan semasa memberi bantuan kepada pesakit yang sedang dirawat.

Latihan HMI

Luqman Hakim dan Mohd Akram (2017) membahaskan tentang kepentingan dan pengamalan pesakit terhadap ibadah solat ketika mendapatkan rawatan di wad hospital. Dalam pada itu, kajian menjelaskan peranan dan bantuan yang dapat dimainkan oleh jururawat dalam memastikan pesakit menunaikan ibadah solat sebenarnya masih rendah. Sedangkan kepentingan dan pengamalan terhadap solat ini sangat penting dalam menentukan kefahaman mereka terhadap ibadah ketika sakit. Kefardhuan dalam menunaikan ibadah solat sangatlah dituntut kepada setiap *mukallaf* terutamanya pesakit yang sedang dirawat. Oleh itu, peranan setiap pengamal dan petugas perubatan dalam memahami isu fiqh orang sakit untuk dilaksanakan untuk diri sendiri dan pesakit di hospital. Maka, inilah sebenarnya tugas sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. Oleh itu, latihan HMI perlu dilaksanakan di setiap hospital

yang melibatkan keseluruhan warga kerja dari peringkat pengurusan tertinggi sehingga kakitangan bawahan. Melalui latihan yang diberikan akan membina asas kefahaman yang jelas tentang konsep HMI dan ibadah pesakit dan secara tidak langsung akan menjayakan konsep HMI ini. Hal yang demikian adalah kerana kefahaman yang menyeluruh dari peringkat atasan hingga bawahan oleh sesebuah hospital.

PENEKANAN MAQASID AL-SYARIAH DALAM PERUBATAN

Penerimaan masyarakat Malaysia terhadap konsep baharu iaitu kaedah Maqasid al-Syariah masih di peringkat awal. Maka usaha penerangan perlu dilaksanakan secara menyeluruh walaupun pelaksanaan kaedah Maqasid al-Syariah ini telah dilaksanakan tanpa sedar. Sedangkan Maqasid al-Syariah telah menjadi panduan dalam pelbagai sektor perkhidmatan (Konsortium Hospital Islam Malaysia, 2011). Hal ini demikian juga telah berlaku dalam pelaksanaan HMI di sektor kesihatan. Namun perlu ditinjau pemahaman masyarakat terhadap Maqasid al-Syariah ini. Pakar ilmu Maqasid al-Syariah moden iaitu ar-Raysuni (1991) menyatakan bahawa Maqasid al-Syariah adalah satu disiplin ilmu yang mengkaji dan memperinci objektif utama Syariah Islam iaitu untuk memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta untuk kebajikan manusia sejagat. Oleh itu, Maqasid al-Syariah yang disusun oleh para ulama berdasarkan konsep mengambil segala kebaikan dan menolak segala kesulitan. Ia menjelaskan tujuan dan matlamat hukum syariah dalam Islam mengikut keutamaan. Maqasid al-Syariah dibahagikan kepada tiga bahagian dharuriyat, hajjiyyat dan tahsiniyyat (Omar, H. K., 2016). Dalam konteks petugas perubatan, bahagian dharuriyat ini khususnya perlu difahami dan dihayati bagi memudahkan perjalanan tugas dan membuat keputusan.

Selain itu, bagi pengamal dan petugas perubatan yang melaksanakan tugas berlandaskan garis panduan Islam, berikut adalah lima asas utama Maqasid al-Syariah yang harus dipatuhi turutan iaitu; yang pertama, memelihara agama iaitu petugas perubatan harus memelihara agama dalam setiap keputusan yang diambil semasa merawat pesakit; kedua, memelihara nyawa iaitu ilmu perubatan

digunakan untuk menjaga dan memastikan kualiti hidup yang terbaik untuk melaksanakan ibadah kepada Allah; ketiga, memelihara akal iaitu petugas perubatan dipertanggungjawabkan untuk membantu memelihara akal dalam setiap keputusan dan tindakan yang diambil termasuk isu yang berkaitan mental dan psikologi seperti pengambilan arak dan dadah; keempat, memelihara keturunan iaitu penjagaan untuk memastikan keturunan umat manusia ini berada pada tahap terbaik merangkumi institusi kekeluargaan termasuk penjagaan antenatal, kanak-kanak dan semasa kehamilan; dan yang terakhir, memelihara harta iaitu harta adalah amanah Allah s.w.t. Manusia hanya sekadar pemegang amanah yang akan dipertanggungjawabkan kelak. Manusia harus menjaga harta dengan baik secara menyeluruh dan prioriti yang wajar (Hospital Pakar Al-Islam, 2014).

Salah seorang pakar Maqasid al-Syariah dalam perubatan iaitu Omar Hassan Kasule (2016) menyebut bahawa prosedur perubatan adalah beretika sekiranya ianya memenuhi atau tidak bertentangan dengan satu atau lebih daripada lima asas utama Maqasid al-Syariah iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Sebaliknya jika seseorang itu melanggar salah satu prinsip tersebut maka ia telah bertentangan dengan etika perubatan di dalam Islam. Di samping itu juga, panduan Maqasid al-Syariah sangat penting kerana ianya akan memberi panduan yang jelas kepada setiap pengamal dan petugas dalam melaksanakan perubatan moden yang banyak mempunyai persoalan yang perlu diperhalusi. Sedangkan persoalan-persoalan ini mampu dijawab dengan menggunakan kaedah Maqasid al-Syariah (Academy of Ibadah Friendly Hospital, 2020).

TADBIR URUS HMI BERASASKAN MAQASID AL-SYARIAH

Maqasid al-Syariah telah dilaksanakan dalam sektor kesihatan walaupun nisbahnya masih sedikit. Hospital Pakar al-Islam telah mengangkat Maqasid al-Syariah ini dengan memasukkan ia ke dalam konsep HMI. Secara tidak langsung, penerapan Maqasid al-Syariah di dalam tadbir urus hospital kelihatan dengan jelas apabila setiap perkara akan diletakkan asas Maqasid al-Syariah terlebih dahulu (Hospital Pakar al-Islam, 2014). Sepertimana yang telah dijelaskan,

penerapan Maqasid al-Syariah ini telah membina satu sudut pandang dalam memahami konsep HMI sebagai tunjang dalam memahami Islamisasi pengurusan kesihatan yang telah diterjemahkan oleh Hospital Pakar al-Islam.

Selain itu, Konsep HMI yang telah dilaksanakan oleh Hospital Pakar al-Islam kian mendapat sambutan dari pelbagai hospital di Malaysia dan luar negara sehingga mereka membawa pulang dan mengamalkan di hospital masing-masing melalui pelbagai definisi seperti Hospital Peduli Syariah, Hospital Mesra Ibadah dan Hospital Patuh Syariah. Hal ini demikian kerana Hospital Pakar mengetengahkan konsep Islamisasi pengurusan kesihatan dalam menterjemahkan konsep HMI dan konsep ini pula mengambilkira pertimbangan Maqasid al-Syariah. Hal ini terbukti apabila Hospital Pakar al-Islam menyediakan satu garis panduan khusus dalam pelaksanaan HMI berpandukan Maqasid al-Syariah dan Qawaid al-Fiqhiyyah (Konsortium Hospital Islam Malaysia, 2011).

Konsep HMI yang ditekankan oleh pihak Hospital Pakar al-Islam sedikit berbeza dengan meletakkan konsep HMI ini dilihat secara menyeluruh. Maka, tadbir urus dan perjalanan hospital kelihatan jelas apabila konsep ini bukan terpakai kepada pesakit sahaja namun terpakai juga kepada kakitangan hospital. Penyediaan kelas dan aktiviti agama telah dilaksanakan kepada semua kakitangan dalam membina satu proses kefahaman Islam sebagai ajaran yang menyeluruh. Kakitangan yang disahkan menerima tawaran bekerja akan diberikan kursus berkenaan Islam, Iman dan Ihsan dalam pelaksanaan tugas harian. Dengan itu, kefahaman mereka akan lebih mantap dan menjadikan tugas mereka di hospital sebagai bekalan dan amalan baik mereka untuk mencapai keredhaan Allah SWT. Selepas itu, mereka akan diberikan induksi selama seminggu untuk memahami konsep perubatan di dalam Islam. Proses inilah sebenarnya yang telah membuka minda dalam memahami Islam dan perubatan moden. Di samping itu juga, pelbagai aktiviti agama yang lain telah diterapkan kepada kakitangan seperti kelas mengaji yang mempunyai 17 buah kelas dengan pelbagai peringkat yang dimulai dengan Kelas Iqra', Kelas Pra al-Qur'an, Kelas Pemantapan Satu, Kelas Pemantapan Dua, Kelas Tajwid Satu, Kelas Tajwid Dua dan kelas fokus untuk lelaki sahaja. Selain itu, pembangunan jiwa

diletakkan asas utama dalam setiap diri kakitangan. Pelaksanaan usrah dalam kalangan kakitangan juga dilaksanakan untuk menjaga kekuatan agama dalam diri kakitangan. Usrah terbahagi kepada tiga bahagian iaitu usrah nuqaba' yang menghimpunkan ketua-ketua usrah, usrah kakitangan dan usrah doktor pakar (Hospital Pakar al-Islam, 2014).

Penekanan terhadap pengamalan al-Qur'an setiap hari kepada kakitangan juga dititikberatkan supaya pembangunan kerohanian kakitangan terjaga. Pihak pengurusan menetapkan satu hari satu halaman (1H1H) untuk kakitangan membaca al-Qur'an. Setiap kakitangan yang berjaya akan diberikan saguhati daripada pihak pengurusan sebagai tanda sokongan dalam mengamalkan bacaan al-Qur'an. Dengan itu, pengamalan dan bacaan al-Qur'an akan bertambah baik dan budaya membaca al-Qur'an dapat dihidupkan. Manakala pengisian kerohanian seperti tazkirah juga dilaksanakan pada hari jumaat dan sabtu setiap bulan. Tazkirah pada hari Sabtu akan dijemput penceramah jemputan dari luar dan tazkirah pada hari jumaat akan dilaksanakan oleh pegawai agama hospital (Hospital Pakar al-Islam: 2014).

Dalam pada itu juga, pembangunan jiwa pesakit tidak diabaikan begitu sahaja. Hal ini demikian kerana kesihatan holistik di dalam Islam menggabungkan merangkumi kesihatan fizikal, mental, psikologi dan juga spiritual. Menurut Hammad M. D. et al. (2018) menyatakan bahawa hospital merupakan sebuah institusi yang menjadi tempat tujuan para pesakit bagi mendapatkan rawatan. Ketidakhahaman pesakit dan petugas perubatan dalam memahami hukum hakam berkaitan isu fekah perubatan yang banyak berlaku pada masa kini. Maka di sinilah, garis panduan asas perlu diberikan kepada setiap petugas perubatan untuk memudahkan pesakit untuk terus beribadah walaupun dalam keadaan susah dan menderita sakit. Oleh itu, Hospital Pakar al-Islam telah melatih kakitangannya dalam mendepani masalah-masalah berkaitan ibadah pesakit terutamanya berkenaan wuduk, tayammum dan solat pesakit. Latihan ini biasanya akan melibatkan sesi praktikal juga. Secara tidak langsung, kakitangan akan terlatih dan tidak kekok dalam memberi bantuan kepada pesakit yang sedang dirawat (Ishak Mas'ud: 2016).

Selain itu juga, penekanan terhadap *busnul khotimah* juga dijadikan sebahagian daripada tanggungjawab hospital. Setiap pesakit

nazak bukan sahaja diberi bantuan *cardiopulmonary resuscitation* (CPR) bahkan kalimah syahadah akan dibacakan oleh salah seorang petugas dalam sesi tersebut. Oleh itu, penjagaan *busnul khotimah* pesakit akan ditekankan kepada setiap kakitangan. Secara tidak langsung penjagaan agama pesakit dapat dilaksanakan walaupun pesakit berada di hospital. (Panduan Ibadah Pesakit: 2020). Justeru, konsep HMI ini telah menerapkan satu elemen besar dalam menjaga agama kakitangan dengan pelbagai aktiviti keagamaan walaupun ketika bertugas di hospital dan turut menjaga pesakit dalam memberi bantuan kerohanian kepada pesakit melalui bantuan solat dan syahadah ketika pesakit nazak.

Dalam perkhidmatan kesihatan sememangnya penjagaan nyawa dan jiwa dilaksanakan dengan sempurna. Jadi, konsep HMI dilaksanakan memperkembangkan lagi perkhidmatan kesihatan ini. Melalui penerapan konsep HMI, penjagaan jiwa ini dilihat sebagai kerja sebagai ibadah dalam kalangan kakitangan hospital. Secara tidak langsung peranan kakitangan hospital bukan sekadar dilihat menunaikan bebanan kerja namun mereka sedang memberi perkhidmatan yang terbaik dan perkhidmatan itu dikira sebagai ibadah. Hal ini demikian kerana dengan perkhidmatan atau pekerjaan mereka itu memberi perkhidmatan yang memerlukan komitmen yang besar dalam merawat setiap pesakit. (Ishak Mas'ud: 2016). Maka, konsep HMI ini diperkenalkan untuk memberi motivasi kepada setiap kakitangan bahawa perkhidmatan mereka itu adalah sebahagian ibadah yang sangat dituntut di dalam Islam. Justeru, perkhidmatan mereka akan bertambah cemerlang dalam merawat pesakit dan penjagaan dan rawatan pesakit bertambah baik. Inilah yang dikatakan Maqasid al-Syariah telah meningkatkan lagi kefahaman mereka terhadap pekerjaan.

Dalam pada itu, Hospital Pakar al-Islam memberi penekanan kepada penggunaan ubatan-ubatan hospital. Penggunaan ubatan akan diutamakan kepada ubatan yang halal terlebih dahulu, penyediaan ubatan di farmasi Hospital Pakar al-Islam majoritinya adalah daripada sumber yang halal. Oleh itu, pesakit tidak khuatir dengan penggunaan ubatan halal. Namun, dalam menjaga nyawa setiap pesakit, tidak boleh dinafikan ada juga ubatan yang perlu digunakan. Hal ini berlaku akibat daripada kekurangan sumber ubatan halal dan pesakit sangat

memerlukan ubat tersebut dalam proses rawatannya. Sebagai contoh, penggunaan *Clexane* kepada sesetengah pesakit, ada yang mampu menggunakan *Arixtra* sebagai alternatif rawatannya, namun ada juga sesetengah pesakit tidak boleh menggunakannya dan penggunaan *Clexane* diberikan kepada pesakit tersebut. Menurut Mohd Zulkifli et al. (2019) yang menyatakan bahawa perdebatan penggunaan ubatan ini semakin mendapat tempat di dalam kalangan masyarakat. *Arixtra* telah digunakan sebagai bahan ganti kepada ubat *Clexane*. Sedia maklum bahawa *Arixtra (Fondaparinux)* yang telah dihasilkan daripada sumber halal dan mempunyai fungsi serta keberkesanan yang sama dengan *Clexane* dan *Fraxiparine*. Namun begitu, persoalan yang timbul ialah ubat alternatif iaitu *Arixtra* kadang-kadang tidak mampu untuk menggantikan sumber utama iaitu *Clexane*. Secara tidak langsung akan membahayakan pesakit yang ingin mendapat rawatan jika penggunaan *Clexane* tidak dibenarkan di hospital. Justeru, penggunaan Maqasid al-Syariah dalam penjagaan jiwa inilah yang ditekankan di hospital melalui konsep HMI. Namun begitu, pengamal kesihatan akan memaklumkan terlebih dahulu kepada setiap pesakit sebelum memberi ubatan yang disahkan mengandungi gelatin khinzir.

Hospital Pakar al-Islam melalui konsep HMI telah memperkenalkan satu sistem siaraya dalam membantu pesakit mendapatkan pelbagai ilmu terutamanya ilmu berkaitan agama Islam. “Mesra TV” yang telah disediakan oleh pihak Hospital Pakar al-Islam sebenarnya telah memberi manfaat yang besar kepada setiap pesakit dalam membawa kefahaman mereka terhadap konsep HMI. Mesra TV ini berfungsi sebagai medium utama dalam memberi pencerahan dan pengisian berkaitan agama dalam merawat jiwa pesakit. Dalam pada itu, siaran audio juga dilaksanakan dengan setiap bilik di wad akan dialunkan bacaan al-Qur’an. Secara tidak langsung, pesakit yang dirawat akan menjadi tenang dan mendapat maklumat daripada platform yang telah Hospital Pakar al-Islam sediakan. Rawatan fizikal dilaksanakan tanpa meninggalkan pembangunan akal pesakit. Oleh itu, konsep HMI ini telah menonjolkan tadbir urus ke arah tuntutan Islam dan berjaya merawat pesakit dan melaksanakan penjagaan akal pesakit (Hospital Pakar al-Islam, 2014).

Selain itu, Hospital Pakar al-Islam juga telah memperkenalkan konsep *Islamic Social Responsibility (ISR)* untuk melahirkan kakitangan

yang bertanggungjawab terhadap masyarakat, bukan fokus dalam perkhidmatan di hospital semata-mata. Antara program ISR yang telah dilaksanakan ialah penerangan dan bengkel Ibadah Pesakit dan CPR yang dilaksanakan di setiap masjid-masjid dan institusi yang terpilih. Program ini untuk meningkatkan kesedaran kepada masyarakat terhadap kepentingan kesihatan dan ibadah ketika sakit. Maka, secara tidak langsung ISR ini telah memberi satu solusi kepada masyarakat. Namun, HMI ini tidak terhenti di sini sahaja kerana aktiviti kemasyarakatan lain juga dilaksanakan melalui kerjasama *Malaysia Relief Agency (MRA)* dan Angkatan belia Islam Malaysia (ABIM). Antaranya program sukarelawan hospital yang telah digerakkan untuk memberi satu dimensi baharu kepada hospital dan masyarakat untuk memberi bantu kepada masyarakat yang susah dan menderita. Di samping itu juga, pelaksanaan bengkel HMI ke hospital-hospital juga dilaksanakan dalam memberi kefahaman tentang konsep HMI kepada pentadbiran hospital lain. Hal ini demikian kerana Hospital al-Islam melihat konsep HMI ini mampu memberi satu perkhidmatan lebih cemerlang kepada sesebuah hospital (Hospital Pakar al-Islam, 2014).

Konsep HMI yang telah dilaksanakan oleh Hospital Pakar al-Islam juga menekankan kepada konsep infaq dan sedekah. Konsep harta diberi definisi yang luas. Dengan menyediakan platform sedekah akan memudahkan setiap kakitangan untuk mengumpul satu tabung khusus dalam menyumbang kepada masyarakat. Tabung yang dilaksanakan ini mampu membantu pesakit dan masyarakat luar seterusnya memberi satu kepuasan dalam menderma dalam kalangan kakitangan hospital. Melalui platform inilah penjagaan terhadap harta akan lebih terserlah, buka sekadar di dunia bahkan manfaatnya juga di akhirat (Hospital Pakar al-Islam, 2014).

PERANAN INSTITUSI ZAKAT DALAM PEMBANGUNAN HMI

Dalam merealisasikan konsep HMI ini untuk memberi kesan kepada sistem tadbir urus, maka peranan setiap pihak amatlah penting terutamanya pihak badan berwajib seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan

Jabatan Agama Negeri dengan menyalurkan beberapa bantuan seperti berikut;

Penempatan Pegawai Agama

Menyedari bahawa untuk membangunkan konsep HMI ini sebagai satu urus tadbir yang berjaya, maka pentingnya penempatan pegawai agama di hospital. Namun, setakat ini setiap hospital masih kekurangan pegawai agama. Sebanyak 146 hospital awam seluruh negara melaksanakan konsep Hospital Mesra Ibadah (HMI) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), tetapi hanya 60 orang sahaja pegawai agama yang disediakan. Hal ini sebenarnya satu kerugian yang besar kerana dengan adanya pegawai agama, konsep HMI akan dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan (Harian Metro, 31 Julai 2017). Oleh itu, bantuan daripada Jabatan Agama Negeri melalui zakat sangatlah penting untuk sama-sama membantu konsep HMI ini untuk terus berkembang. Dengan cara ini maka proses untuk menyebarkan dan memperkasakan konsep HMI di setiap hospital akan dapat direalisasikan. Pegawai Agama yang terdapat di hospital yang sekarang dibebani dengan bebanan yang banyak. Hal ini demikian kerana mereka biasanya akan melakukan rutin menziarahi pesakit sedangkan pesakit di hospital terlalu ramai. Ini menyebabkan mereka tidak dapat melaksanakan khidmat ziarah ini dengan baik akibat bebanan lain pula yang perlu dilaksanakan seperti aktiviti keagamaan kakitangan hospital. perkara inilah yang merunsingkan jika kekurangan Pegawai Agama di hospital. Jadi penambahan dengan penempatan baharu akan membantu Pegawai Agama sedia ada dan konsep HMI ini dapat dilaksanakan dengan lebih tersusun.

Kerjasama Dalam Memperkasakan Hmi

Latihan HMI kepada pengamal dan petugas kesihatan di hospital sangatlah penting. Oleh itu, Hospital Pakar al-Islam telah melaksanakan pelbagai latihan HMI di dalam dan luar negara untuk memperkenalkan konsep HMI dalam urus tadbir hospital (Outline: Ibadah Friendly Hospital, 2016). Namun, kekangan yang berlaku ialah kekurangan bajet kewangan menyebabkan latihan ini terbantut dan tidak mampu dilaksanakan dengan lebih baik. Oleh itu, dalam

memperkasakan konsep HMI ini, institusi zakat sangat diperlukan dalam menggerakkan latihan dan pembangunan HMI di semua peringkat dan negeri. Dengan kerjasama institusi zakat akan menyebabkan konsep HMI ini dapat diperkasakan lagi. Hospital Pakar al-Islam sebagai pelatih HMI sekian lama merasai kesusahan segenap hospital untuk memperkenalkan dan memperkasakan konsep HMI di hospital masing-masing akibat dana yang terhad. Dengan kerjasama institusi zakat dan Hospital Pakar al-Islam sebenarnya akan menaikkan satu lagi konsep Islamisasi pengurusan kesihatan di Malaysia.

KESIMPULAN

Konsep HMI bukan sekadar membantu pesakit untuk bersolat tetapi konsep ini lebih besar misinya dengan memperkenalkan konsep Islamisasi pengurusan kesihatan dan memberi perkhidmatan yang lebih cekap di samping mencari keredhaan Ilahi. Penerapan Maqasid al-Syariah sebenarnya telah berlaku dalam konsep ini. Tadbir urus melalui konsep ini telah memberi satu nafas baharu kepada urus tadbir sedia ada. Ini terbukti apabila kesan COVID 19 membuktikan bahawa konsep HMI sangat diperlukan di dalam sesebuah hospital. Maka, konsep ini perlu dilihat secara serius dan memerlukan bantuan pelbagai pihak terutamanya daripada KKM, Jabatan Agama, sektor swasta dan masyarakat awam. Dalam pada itu, konsep ini mampu memberi satu solusi baharu dalam menangani masalah yang berlaku dalam kalangan pesakit yang dirawat di hospital. Namun, bantuan semua pihak sangatlah penting supaya konsep ini terus berkembang dan diterima pakai dalam urus tadbir di setiap hospital yang ada di Malaysia, tidak kira kerajaan mahupun swasta. Hal ini demikian kerana konsep zakat dan infaq boleh menjadi satu elemen penting dalam membantu meningkatkan keberkesanan HMI di dalam perkhidmatan kesihatan kerana platform dakwah di hospital itu amatlah besar.

RUJUKAN

Academy Ibadah Friendly Hospital. (2020). *Islamic Medical Practice Volume 1. Compilation from lectures of*

- Prof Dr. Omar Hassan Kasule Sr. Kuala Lumpur: Academy of Ibadah Friendly Hospital.
- Academy Ibadah Friendly Hospital. (2020). *Islamic Medical Practice Volume 2. Compilation from lectures of Prof Dr. Omar Hassan Kasule Sr.* Kuala Lumpur: Academy of Ibadah Friendly Hospital.
- Harian Metro. (31 Julai 2017). *146 Hospital Laksana Konsep Hospital Mesra Ibadah.* Diakses pada 10 September 2020 dari <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2017/07/249128/146-hospital-awam-laksana-konsep-mesra-ibadah>.
- Hammad, M. D., Mohd Zulkifli, A., & Mustafa 'Afifi, A. H. (2019). Konsep Hospital Mesra Ibadah: Pengenalan Produk Kepenggunaan Perkhidmatan Kesihatan Di Malaysia. *Pembentangan Kertas Kerja di 5th Muḏakarab Fiqh & International Fiqh Conference 2019, Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS), Selangor.*
- Hammad, M. D., Sharifah Hana, A. R., Zaini Yusnita M. J., Mashitah N. K., & Mohd Zulkifli, A. (2018). Pelaksanaan Hospital Mesra Ibadah di Konsortium Hospital Islam Malaysia (KHIM): Suatu Kajian Literatur. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah.* 5(2), 54-65.
- Hospital Pakar Al-Islam. (2014). *Hospital Mesra Ibadah Hospital Pakar Al-Islam.* Kuala Lumpur: Hospital Pakar Al-Islam.
- Ishak, M., Mohd Zulkifli, A., & Nurul Aisyah, A. R. (2020). *Panduan Ibadah Pesakit.* Kuala Lumpur: Academy of Ibadah Friendly Hospital.
- Ishak, M. (2016). *Outline: Ibadah Friendly Hospitals.* Kuala Lumpur: Hospital Pakar Al-Islam.
- Konsortium Hospital Islam Malaysia. (2011). *Panduan Ibadah Pesakit Edisi Kedua.* Kuala Lumpur: Konsortium Hospital Islam Malaysia (KHIM).
- Luqman, H., @ Fakhairuzal, M. G., & Mohd Akram, D. D., @ D. (2017). Peranan Jururawat Terhadap Ibadah Solat Pesakit: Kajian Di Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani, Kedah. *Pembentangan Kertas Kerja di 5th Muḏakarab Fiqh & International Fiqh Conference 2019, Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS), Selangor.*

- Mohd Zulkifli, A. (2020). *Islamisasi Pengurusan Kesihatan Mengikut Perspektif Hospital Mesra Ibadah*. Tesis Ijazah Sarjana. Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS). Selangor:
- Mohd Zulkifli, A., Mustafa 'Afifi, A. H., & Hammad, M. D. (2019). Keperluan Clexane Dalam Perubatan; Satu Kajian Fiqh Kontemporari. *Pembentangan Kertas Kerja Di 5th Muḏakarrah Fiqh & International Fiqh Conference 2019*. Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS), Selangor.
- Omar, H. K. (2016). *Incorporating Moral Values and Maqasid Al-Shariah into Medical and Healthcare Practices*. In *Outline: Ibadah Friendly Hospitals*. Kuala Lumpur: Hospital Pakar Al-Islam.
- Omar, H. K. (2013). *Islamic Hospitals: Guidelines*. *9th International Seminar and Workshop Spiritual Support in Patients Care*. Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Mosque, Selangor Darul Ehsan.
- Siddiq, F. (2014). *Pendidikan al-Hikmah dan Misi pencerahan*. Kajang: Kolej Dar Hikmah.